

Bekalan senjata kepada China risaukan jiran

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah Amerika Syarikat menjual sejumlah besar senjatanya kepada China membimbangkan negara-negara di rantau Asia Tenggara dan Barat.

Katanya, penjualan senjata itu boleh mengancam keselamatan negara-negara jiran China sekiranya kepimpinan negara itu mengubah haluannya menjadi kuasa tentera.

Bercakap dalam sidang akhbar dengan sekumpulan wartawan Barat di sidang puncak Komanwel di sini hari ini, Datuk Seri Dr Ma-

hathir berharap Amerika Syarikat akan lebih berhati-hati membekalkan senjata modennya kepada Peking.

"Sebarang bantuan atau sokongan yang membolehkan China muncul sebagai sebuah kuasa tentera di rantau Asia mungkin mendorong pemimpin-pemimpin negara itu menukar pendirian sekarang yang mementingkan perdamaian.

"Apa yang membimbangkan Malaysia ialah, China nampaknya sentiasa mengubah-ubah da-

mereka tertarik dengan sistem pasaran bebas Barat dan pada masa yang sama mahu mengekalkan ciri-ciri sosialisnya.

"China boleh menjadi sebuah negara yang kaya dan kuat. Ketika itu, jika ada pihak yang cuba mengubah haluan, belum tentu China akan menolaknya," ujarnya.

Membidas

Perdana Menteri juga membidas Amerika Syarikat kerana keenggannya mengambil tindakan yang lebih keras dan tegas terhadap Afrika Selatan, bagi menghapuskan pemerintahan aparteid.

Mengenai pergolakan di Timur Tengah, Datuk Seri Dr Mahathir menyifatkan Washington sebagai mempunyai 'dua pandangan yang berbeza mengenai keganasan'.

Menurut beliau, Amerika Syarikat tidak mungkin duduk semeja dan berunding dengan

pengganas Arab, tetapi sanggup berbuat demikian dengan pengganas Israel.

"Jika kita mahukan Arab menghentikan keganasannya, kita juga harus meminta Israel berbuat demikian. Kita tidak seharusnya menyelesaikan keganasan dengan cara yang ganas juga," katanya.

Menjawab pertanyaan mengenai ancaman komunis di Filipina, Perdana Menteri berkata sokongan menyeluruh rakyat adalah penting bagi sesebuah negara membanteras ancaman komunis.

Sambil merujuk kejayaan Malaysia memerangi gerakan bersenjata komunis, beliau berkata Filipina patut mempelajari cara-cara negara jirannya menghadapi kebangkitan anasir itu.

"Jika sebahagian besar rakyat menyokong dan berdiri teguh di belakang pemerintah serta percaya akan hakikat pentingnya kita menentang keganasan, Filipina tidak akan menghadapi apa-apa masalah," ujar beliau